

Anwar, pasukan MADANI bawa Malaysia hebat di mata dunia

- Apa lebih wajar dibicarakan adalah pertemuan Anwar dengan Putin ini sebenarnya suatu mesej kepada dunia sangat jelas -Malaysia kini sangat dihormati dan adalah negara penting di pentas antarabangsa dan dunia diplomasi

- Russia juga sejak sekian lama sentiasa bersedia melaksanakan perdagangan barter membabitkan penukaran minyak sawit dari Malaysia. Ini sudah pasti memberi impak positif kepada industri sawit Malaysia, terutama pekebun kecil dan peneroka tanah rancangan



Oleh Khairil Hilmi Mokhtar
bhrencana@bh.com.my

From Russia With Love - suatu judul filem berdekad lama dan sinonim dengan jenama sosok watak fiksi dikenali ramai. Namun apa ingin dibicarakan adalah bukan fantasi, sebaliknya realiti benar. Sosok benar itu pula adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim, iaitu Perdana Menteri kita.

Kehadiran Anwar ke Vladivostok, Russia adalah di atas jemputan khusus oleh tidak lain tidak bukan, orang kuat Russia sendiri, Presiden Vladimir Putin. Putin begitu mendambakan kehadiran Perdana Menteri ke Vladivostok. Bahasa badan

ditunjukkan Putin mencerminkan sikap hormat dan memandang tinggi kepada seorang pemimpin disegani.

Perkara ini amat menarik buat pemerhati geopolitik kerana Presiden Putin itu sendiri amat terkenal dengan pesona mengagumkan kawan, aura intimidasi kepada lawan dan tidak berselindung dengan bahasa badannya terhadap mana-mana tokoh-tokoh dunia.

Apa lebih wajar dibicarakan adalah pertemuan Anwar dengan Putin ini sebenarnya suatu mesej kepada dunia sangat jelas - Malaysia kini sangat dihormati dan adalah negara penting di pentas antarabangsa dan dunia diplomasi.

Suatu ketika tidak berapa lama dahulu, suasana imej Malaysia amat suram, terpalit dengan cerita negatif menyebabkan negara ini tidak diberi perhatian malahan acap kali terpinggir.

Lebih malang di rantau ini, watak hebat seperti Presiden Joko Widodo atau Pak Jokowi menenggelamkan terus Malaysia di mata antarabangsa. Namun kini tidak lagi; Anwar meletakkan Malaysia di darjat tinggi di mata dunia.

Malaysia menelusuri dengan pantas jalan menjadi negara hebat sejak Kerajaan MADANI menjadi pemacu kepada reformasi menyeluruh dalam pelbagai aspek - ekonomi, politik, dan sosial.

Walau ada cemuhan dan sindiran, ia tidak pernah menjadi penghalang kepada Perdana Menteri dan pasukan MADANI mengorak langkah ke arah lebih baik untuk negara bertuah ini.

Daripada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjangkau sasaran organisasi antarabangsa, kepada kejayaan menarik penarikan pelaburan asing antara tertinggi di Asia tahun ini, pemulihan ekonomi berteraskan formula Ekonomi MADANI tidak lagi ditertawakan.

Data dan fakta menunjukkan formula selalu di-sindir ini terbukti membuahkan hasil.

Kejayaan demi kejayaan ini sebenarnya berpunca perubahan sikap, peningkatan produktiviti dan kesediaan rakyat Malaysia untuk bersama-sama mengangkat darjat negara.

Mantera tatakelola acap kali dicanang Anwar menyerap ke dalam perkhidmatan awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Penguatan integriti membuahkan hasil.

Cemuhan dan sindiran mula beransur menjadi penghinaan dan keyakinan.

Keyakinan ini turut berjaya meraih perhatian dari pemimpin dunia berebut-rebut menjemput Anwar dan pasukan MADANI.

Begitu ramai tokoh negara asing juga bergegas ke Malaysia untuk merealisasikan strategi Indo-Pasifik mereka, termasuk New Zealand dan Kanada.

Inilah yang turut berlaku terhadap pemimpin tertinggi Russia, Putin yang melihat Anwar ini sebagai sosok sangat penting untuk didampingi dan dijadikan rakan karib.

Apatah lagi pada 2025, Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN. Aura dan pesona Perdana Menteri ini semakin hari semakin kuat dan dilihat sebagai tokoh di rantau Asia Tenggara amat hebat.

Selamat jalan Pak Jokowi, terima kasih sekian tempoh menjadi 'Poster Boy' Asia Tenggara. Namun mohon izin ketepi, ada sosok bernama, Anwar Ibrahim kini dilihat sebagai individu amat berpengaruh di mata dunia.

Maka apabila Anwar menerima pelawaan Putin untuk bertandang ke negara kuasa besar itu, sudah pasti deretan manfaat akan mengalir ke Malaysia. Russia mempunyai pelbagai sumber dan teknologi

mampu memenuhi keperluan Malaysia dalam bidang ekonomi dan kewangan, pertanian, pendidikan, sosial dan kesihatan yang boleh dimanfaatkan bersama.

Russia juga sejak sekian lama sentiasa bersedia melaksanakan perdagangan barter membabitkan penukaran minyak sawit dari Malaysia. Ini sudah pasti memberi impak positif kepada industri sawit Malaysia, terutama pekebun kecil dan peneroka tanah rancangan.

Pemimpin dan rakyat berpisah tiada

Rakan karib Russia juga terbukti mampu memperluas potensi perdagangan dengan Malaysia dalam pelbagai sektor. Justeru, permohonan Malaysia menyertai BRICS dilihat sudah ibarat kali sudah melangkah sebelah untuk diterima menjadi ahli.

Potensi nilai perdagangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan mendapat manfaat besar apabila Russia dan negara akrab dengannya memberi keyakinan dan keutamaan tinggi kepada Malaysia.

Negara berkenaan bakal menjadi rakan karib dalam bidang ekonomi dan perdagangan, sosial dan pendidikan, keselamatan dan pertahanan serta simbol diplomasi dan pejuang keamanan sejagat.

Usaha keras seluruh rakyat Malaysia menyahut seruan Anwar agar kita memperkukuh perpaduan kini semakin membuahkan hasil. Dalam semangat bulan kemerdekaan masih kuat membara, amat jelas perpaduan menjadi teras kekuatan Malaysia ini lahir daripada kesatuan dalam kepelbagaian.

Apa dibawa dalam semangat Malaysia MADANI itu bukan hanya slogan retorik. Semakin hari semakin membuktikan apabila negara di bawah kendalian betul, disokong rakyat jelata bersedia berganding bahu mengangkat martabat Malaysia menjadi negara hebat, sudah pasti kejayaan demi kejayaan akan diraih. Menjaga amanah negara dengan tertib itu pasti ada rahmat dan ganjarannya.

Ya, Anwar tidak sempurna. Namun, lompong ketidaksempurnaan beliau itu ditampung rakyat bersedia bersama-sama menjadikan Malaysia tanah air bertuah ini disanjung dan dihormati dunia.

Maka, hakikatnya pemimpin dan rakyat berpisah tiada, itulah simbol perpaduan akan membawa Malaysia menjadi negara hebat tinggi darjatnya.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

"Suatu ketika tidak berapa lama dahulu, suasana imej Malaysia amat suram, terpalit dengan cerita negatif menyebabkan negara ini tidak diberi perhatian malahan acap kali terpinggir"